

21/06/2003

Bekas guru Mahathir terima anugerah

TANJUNG MALIM: Datuk Mohd Zain Rashid yang pernah mengajar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star, dianugerahkan Tokoh Guru Suluh Budiman 2003.

Bekas guru berusia 90 tahun itu adalah antara lima tokoh yang mendapat pengiktirafan daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini,

semalam. Anugerah berkenaan disampaikan oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas.

Tokoh lain yang menerima anugerah itu ialah bekas Menteri Kanan Pendidikan Singapura, Sidek Saniff, 65; Setiausaha Sulit Sultan Brunei, Pengiran Abdul Mumin Pengiran Othman, 80; penulis buku siri agama dan sains, Abu Hassan Ali, 73 serta bekas kurator Muzium Terengganu, Othman Ali, 84. Semua penerima anugerah menerima pingat dan sijil penghargaan.

Sidek, Abdul Mumin, Mohd Zain, Abu Hassan dan Othman adalah lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI - kini UPSI) dari 1934 hingga 1965.

Ketika ditemui, Mohd Zain berkata, semua guru bertanggungjawab membentuk

idealisme politik, moral serta rohaniah pemimpin masa depan.

"Berikan pendidikan terbaik dan pada masa yang sama teguhkan latar belakang agama serta moral mereka. Jangan didik mereka dengan perkara yang

bertentangan dengan aspirasi rakyat," katanya.

Beliau yang merendah diri ketika ditanya mengenai pengalamannya mengajar

Perdana Menteri, berkata: "Kita sebagai guru percaya kita akan menjadikan

murid kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab."

Mohd Zain mengingati Dr Mahathir sebagai seorang pelajar yang pintar serta terang hati.

"Guru di Kolej Sultan Abdul Hamid sering berbincang sesama sendiri bagaimana (Dr) Mahathir boleh menjawab semua soalan yang murid lain rasa sukar untuk dijawab.

"Ini kerana beliau mempunyai banyak tajuk buku dalam perpustakaan peribadi milik ayahnya," katanya.

Beliau turut mengingati Perdana Menteri sebagai seorang murid pemalu yang amat berbudi bahasa, misalnya Dr Mahathir akan memperlahankan langkah

pergerakannya untuk menyapa guru walaupun di luar waktu sekolah.

"Tapi, zaman sekarang sudah berubah... mana ada guru yang mendapat penghormatan dari murid mereka," katanya.

Mohd Zain mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sungai Rusa, Balik

Pulau (1920-23) sebelum ke Penang Free School.

Beliau mengajar di Kolej Sultan Abdul Hamid selama 22 tahun (1933-55). Antara 1955 dan 1957, beliau bertugas sebagai pensyarah Pengajian Melayu di Brinsford Lodge, United Kingdom sebelum menjadi pensyarah kanan di MPSI.

Pada 1960, beliau dilantik menjadi pengetua MPSI sehingga

persaraannya.

Beliau dianugerahkan Tokoh Guru Peringkat Kebangsaan pada 1982.